

27/09/1998

Isu Anwar alasan sekatan ekonomi

Zamzam Omar; Zainudin Isa

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, negara asing mungkin menggunakan isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi mengenakan sekatan ekonomi terhadap Malaysia.

Perdana Menteri berkata, sudah ada tanda langkah ke arah itu apabila kelmarin, seorang pegawai kanan Bank Dunia membuat kenyataan kemungkinan Malaysia dikenakan sekatan ekonomi oleh masyarakat dunia seperti yang dilakukan terhadap Afrika Selatan ketika pemerintahan aparteid.

Menurutnya, kenyataan pegawai itu yang pertama mungkin untuk membela Anwar, tetapi lebih daripada itu, ia adalah langkah untuk menggagalkan usaha negara memulihkan ekonomi negara ini.

"Saya fikir tindakan ini lebih mirip kepada usaha mereka untuk menggagalkan tindakan yang diambil oleh kita untuk memulihkan ekonomi khususnya berkaitan sekatan dagangan mata wang dan juga sekatan terhadap CLOB (Central Limit Order Book International) di Singapura yang merugikan negara kita," katanya.

Pegawai bank berkenaan, Joseph Stiglitz memberitahu akhbar The Straits Times Singapura, yang dipetik agensi berita Reuters kelmarin, langkah kerajaan menahan mereka yang menentanginya mungkin menyebabkan negara ini menghadapi tindakan sekatan amat keras seperti yang berlaku kepada Afrika Selatan.

Pakar ekonomi itu berkata, masyarakat antarabangsa dan pelabur asing tidak dapat menerimanya dan mungkin memulau untuk melabur di negara ini yang disifatkan tidak mengamalkan demokrasi.

Dr Mahathir bercakap kepada pemberita tempatan di sidang akhbar di kediaman rasminya, Seri Perdana petang semalam.

Perdana Menteri percaya kejayaan Malaysia menangani masalah ekonomi itu tidak disukai oleh musuh negara yang tidak mahu melihat Malaysia menjadi contoh kepada negara lain.

Menurutnya, kerana itu mereka sengaja mencari alasan untuk mengambil tindakan terhadap negara termasuk dengan menggunakan isu kerajaan menahan Anwar.

Beliau berkata, pemulihan ekonomi termasuk mengenakan sekatan perdagangan mata wang dan CLOB sudah menunjukkan kejayaan awal.

"Walaupun hanya berjalan kira-kira tiga minggu, semalam saya menyebut lebih dagangan kita dan peningkatan rizab negara naik AS\$90 juta. Tetapi laporan Bank Negara hari ini menunjuk rizab kita sudah meningkat hampir AS\$1 bilion.

"Ogos lalu, rizab kita mencatatkan AS\$20,228.7 juta, dan kini sudah menjadi AS\$21 bilion. Ini jelas tindakan kita menunjukkan kejayaan awal-awal lagi.

Menurut Dr Mahathir, ada pihak oportunist antarabangsa yang ingin mengambil tindakan untuk menyekat kejayaan Malaysia memulihkan ekonomi.

"Sama dengan kecaman mereka terhadap dana lindung nilai sebagai bertanggungjawab merosakkan ekonomi Malaysia dan negara-negara di Asia Tenggara.

"Kita dikutuk dunia sejak tahun lalu lagi kononnya kita tidak faham ekonomi dan ketinggalan zaman, tetapi sekarang mereka juga sudah mengalami tekanan kerana kegiatan dana lindung nilai," katanya.

Dr Mahathir memetik laporan dalam Financial Times mengenai sebuah dana lindung nilai Amerika Syarikat, Long Term Capital Management (LTCM) yang sudah mengalami kerugian yang amat besar dalam dagangan mata wangnya.

"Mereka menjual beli hampir AS\$80 bilion dan sekarang oleh kerana Russia mengasingkan rubble, pembelian mereka di Rusia sudah tidak dapat dipulihkan lagi dan mereka menghadapi masalah kewangan yang besar sehingga bank rizab persekutuan (Federal Reserve Bank) terpaksa menyuruh bank lain supaya menyelamatkan LTCM ini," katanya.

"Bank-bank berkenaan memperuntukkan AS\$3.5 bilion untuk membantu pengurusan dana itu dan jika LTCM itu jatuh, ia akan memberi kesan buruk kepada bank-bank di AS yang memberi pinjaman besar kepada LTCM.

"Ini bermakna bank-bank (di AS) juga akan bankrap walaupun saya percaya kerajaan AS akan menyelamatkan (bail out) segala bank," katanya yang tidak pasti berapakah leverage LTCM yang diizinkan, mungkin 20 kali ganda.

Tetapi jumlah pinjaman yang diberi kepada LTCM ini meningkat kepada AS\$80,000 juta iaitu lebih daripada 20 kali ganda dan dana lindung nilai itu mungkin tidak dapat membayar balik pinjaman itu, kata Dr Mahathir.

"Bagaimanapun, usaha menyelamatkan bank-bank itu tidak dianggap bail out tetapi pengambil alihan syarikat oleh pemiutang, sedangkan jika usaha serupa dilakukan di Malaysia, ia dianggap "dasar untuk menolong kawan"," katanya.

(END)